

Malaysia harap hasil mesyuarat positif: PM

16 OCT 2002

**Oleh Kadir Dikoh
dan Munaarfah
Abu Bakar**

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap mesyuarat peringkat pegawai Malaysia dan Singapura berhubung isu air di Johor Bahru esok, akan mencapai hasil positif.

Mengenai kemungkinan mesyuarat dua hari itu terus menemui jalan buntu kerana Singapura tetap bertegas tidak mahu isu air diasingkan dari pakej isu dua hala lain, Perdana Menteri berkata: “Ya, kita akan tengok macam mana”.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan pertikaian berhubung isu itu akan dibawa ke Mahkamah Tetap Timbang Tara (PCA) yang beribu pejabat di The Hague, Belanda, jika kedua-dua negara masih gagal mencapai sebarang persetujuan.

“Namun, jika kita pergi ke mahkamah akan mengambil masa. Kita masih ada kes timbang tara ke atas Pulau Batu Putih yang sehingga kini belum selesai...tiada kemajuan.

“Saya tidak menolak tindakan undang-undang (isu air), saya cuma kata ia akan mengambil masa,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa 2002 di sini, hari ini.

Isu Pulau Batu Putih juga menimbulkan kontroversi antara Malaysia dan Singapura. Pulau yang menempatkan sebuah rumah api kini dikawal ketat dan diselenggara 24 jam oleh empat pekerja Singapura, walaupun kedudukannya kira-kira 13 kilometer dari negara ini.

Baru-baru ini, Malaysia sudah menyerahkan dokumen kepada Singapura berkaitan persetujuan kedua-dua negara bagi penyelesaian tuntutan bertindih Pu-

lau Batu Putih ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Semalam, Dr Mahathir berkata, isu air tidak akan selesai selagi rundingan mengenainya tidak diasingkan daripada pakej isu dua hala lain, termasuk pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin.

Berikutan itu, beliau menulis surat bertarikh 7 Oktober lalu kepada rakan sejawatannya, Goh Chok Tong yang meminta agar rundingan isu air dipisahkan daripada pakej rundingan isu dua hala yang belum selesai.

Dr Mahathir berkata, sehingga hari ini beliau belum menerima jawapan daripada Perdana Menteri Singapura.

Di PUTRAJAYA, Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata kelewatan Malaysia menyemak semula harga air yang dijual ke Singapura, tidak bermakna hak itu gugur secara automatik.

Rais berkata, Perjanjian 1961 dan 1962 tidak menyebut bahawa Malaysia akan kehilangan hak sekiranya semakan harga air tidak dibuat pada 1986 dan 1987.

“Air adalah sebahagian aset negara. Oleh itu, barang siapa yang menyatakan Malaysia hilang haknya, maka itu tidak benar dan tidak ada undang-undang boleh menghilangkan hak negara ini berhubung

soal air atau tanah,” katanya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas menerima kunjungan Pengarah Lembaga Pengajian Kehakiman United Kingdom, Hakim William Rose, menjelaskan demikian ketika mengulas isu berhubung semakan harga air ke Singapura.

Rabu lalu, Singapura menafikan Goh bersetuju bahawa Malaysia mempunyai hak untuk menyemak semula harga air mengikut perjanjian 1961 dan 1962.

Setiausaha Akhbar Goh, Ong Keng Yong dalam satu kenyataannya, berkata pendirian Singapura bahawa Malaysia tidak mem-

punyai asas undang-undang untuk menyemak semula harga air mengikut perjanjian itu selepas kelewatan 15 dan 16 tahun tidak berubah.

Goh pada Sabtu lalu, pula berkata, dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir di Putrajaya minggu lalu, beliau hanya bersetuju untuk membuat semakan ke atas harga air mentah jika dilakukan secara pakej.

Rais berkata, Malaysia masih mempunyai asas kukuh untuk menyemak harga air, walaupun tidak berbuat demikian pada 15 dan 16 tahun lalu.

“Perkara itu tidak boleh dijadikan penalti bagi Si-

ngapura untuk menyatakan demikian,” katanya.

Beliau juga berkata, penyelesaian isu air tidak dapat diselesaikan mengikut interpretasi undang-undang yang sempit, sebaliknya penyelesaian perlu dicapai dengan mengambil kira tuntutan dua hala serta peredaran masa.

“Lagipun, perjanjian itu dibuat dalam satu zaman di mana keadaannya jauh berbeza dengan zaman sekarang.

“Seperti kata Dr Mahathir isu bekalan air ke Singapura ini mesti diatasi atas lunas realiti yang ada dan realitinya, harga air ini patut ditentukan semula,” katanya.